

# FESYEN SOPAN MEMBINA KETERAMPILAN

oleh  
LILY HASLINA  
NASIR

**P**ENTAS peragaan di Milan, Paris atau New York sentiasa hangat. Lensa kamera sentiasa mencari sudut terbaik. Percikan dan kilauan lampu kamera serta lampu sorot pentas tidak pernah kelim demi memberikan pencahayaan terbaik buat fesyen yang sentiasa silih berganti. Peragawati yang kebanyakannya langsing dan penuh gaya mengayun langkah. Mereka perantara pereka fesyen untuk menjual rekaan terbaharu kepada dunia.

Biarpun ada ketika fesyen yang dipersembahkan oleh mereka tampak buruk dan kelihatan janggal untuk digayakan, segala-gala yang dibawa dari benua sebelah sana sering dinobatkan sebagai aliran terkini. Golongan yang paling mudah alisarkan untuk diperkenalkan segala rekaan atau aliran terkini fesyen tentu sahaja remaja. Remaja gemar mencuba, malah lebih berani

dan sentiasa mencari kelainan. Fesyen ialah landasan bagi remaja untuk menzahirkan segala gelodak jiwa.

Perkembangan fesyen yang sering berpaksikan pentas peragaan di Paris berubah pantas. Empat musim dalam setahun sudah menjanjikan fesyen yang menghadirkan seribu gaya dan wajah. Musim bunga menjanjikan keindahan warna, musim luruh selalunya membawa warna yang rontok, manakala musim dingin hanya dipenuhi calitan warna yang kusam. Demikian fesyen berputar dalam paksinya yang tersendiri.

Remaja memang mudah tertarik kepada fesyen. Pada satu tahap, fesyen dapat meledak menjadi fenomena dan kegliaan remaja. Tidak dapat dinafikan bahawa ada ketikanya fesyen yang menerobos ke dalam masyarakat tampak tidak sesuai langsung dengan jati diri remaja Timur, namun untuk mengekangnya tidak semudah yang dijangka.

Lazimnya, fesyen remaja sering dipengaruhi oleh ikon yang menjadi pujaan remaja. Golongan yang membawa arus fesyen ini mungkin terdiri daripada penyanyi, pelakon, model, ahli sukan atau mungkin tokoh politik. Masing-masing mempunyai peminat tersendiri. Apabila karisma dan kelebihan diri disempurnakan dengan gaya dan penampilan seseorang, peminat akan menjadi lebih teruja untuk mencontohi segala yang dilihatnya.

Sebagai contoh, pada era tahun 1960-an, remaja ketika itu amat menggilai fesyen pop yeh yeh. Penyanyi seperti Jefridin, J. Kamisah atau Sanisah Huri menjadi perhatian remaja. Lelaki pada waktu itu mengenakan tuxsedo, rambut beremos tinggi dan berkaca mata, manakala gadis pula gemar memakai baju kebaya ketat kain renda jarang yang dipadankan dengan kain batik wiron. Korset adalah antara perkara wajib yang melekat di tubuh gadis pada zaman itu. Tas tangan kecil pula tersangkut pada lengan dan digayakan dengan jalan yang berlinggang-linggok.

Bagi mereka yang lebih condong pada gaya Barat, kumpulan The Beatles atau penyanyi legenda, Elvis Presley, dijadikan pujaan. Kaca mata penyanyi tersebut menjadi kegliaan. Baju, jaket atau celana mereka turut dijadikan contoh tatkala diri mahu berfesyen. Tidak cukup dengan itu, jambang Elvis juga

tidak ketinggalan dicuri hak ciptanya. Semua ini semata-mata untuk memastikan diri tampil bergaya dan tidak dikatakan ketinggalan dalam berfesyen. MASA beredar pantas, mungkin ada remaja kini yang melihat fesyen era tahun 1960-an sebagai sesuatu yang lucu dan tidak sesuai lagi.

Pun begitu, selagi dinamakan fesyen, tiada sempadan waktu untuk menentukan sesuatu gaya. Selagi gaya itu dapat diterima dan diperagakan dengan selesa, fesyen itu mungkin akan kembali bernafas dalam kelompok remaja itu sendiri. Lihat sahaja anak muda Malaysia yang cenderung kepada muzik bawah tanah. Ada ketika mereka dilihat seperti mengembalikan gaya dan fesyen era Beatles. Kumpulan muzik tempatan, seperti Stoned Revivals dan The Peanut, antara anak muda yang mungkin mengembalikan kenangan ayah dan ibu mereka akan fesyen Beatles.

Melangkau tahun 1970-an, penyanyi seperti Latiff Ibrahim, Khatijah Ibrahim, DJ Dave, Sharifah Aini dan Uji Rashid menguasai pengaruh fesyen dan gaya terhadap peminat remaja mereka. Ketika itu, lelaki dan wanita berambut panjang dan tampak lebih hipi. Lelaki dikatakan kakak dan sempurna jika menggayakan seluar *bell-bottom*, kasut


Kumpulan The Beatles.



yang bertapak tinggi dan kemeja yang agak sendat. Rambut yang kembang bagai sarang lebah menjadi pilihan, manakala yang perempuannya pula dilihat memilih gaya rambut seperti pelakon Hollywood, Farrah Fawcett, yang ikal dan sedikit berombak. Retro tahun 1970-an juga memperlihatkan pengaruh skirt sendat yang sontok menjadi kegliaan gadis remaja. Skirt mini itu selalunya dipadankan dengan baju ketat yang tidak berlingan.



Gaya yang dibawa dari barat sering diubatkan sebagai aliran terkini.



Sebuah selebriti yang pernah menjadi model untuk merek pakaian M. Iwan.



Fenomena fesyen Lady Diana menguasai dunia sekitar tahun 1980-an. Sebagai sahaja diamlar oleh Putera Charles, tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa semua anak gadis pada waktu itu ingin bergaya dan tampil sepertinya. Pengaruhnya begitu mencengkam jiwa gadis remaja, apatah lagi media begitu mengagung-agungkan puteri pemalu itu. Berambut pendek separas tengkuk, cincin berpermata nilam, skirt kembang labuh yang jarang, serta kasut bertumit rendah adalah antara pilihan gadis remaja ketika itu setelah segala rahsia almari dan meja solek Puter Wales itu dibongkar oleh media.

Di Malaysia, bintang sukan tidak

terkecuai dalam membangkitkan fesyen tertentu dalam kalangan peminatnya. Mereka yang mengikuti perkembangan Misbun Sidek sejak awal kemunculannya tentu tidak akan melupakan Misbun yang sering tampil di gelanggang dengan potongan rambut yang berbeza. Misbun pernah muncul dengan gaya bercuruk, ikat tocang serta yang paling dikenang tentunya gaya *Mohican*. Anak lelaki remaja yang mengilahi Misbun ketika itu tidak teragak-agak meniru gaya *Mohican*.

Dalam dunia peragaan tanah air, gaya Noor Kumalasari tentu sahaja sentiasa dikenang sebagai pencipta gaya sekitar awal tahun 1980-an. Apa-apa sahaja yang dipakai olehnya dikenali sebagai *Model of The Year* pada era itu akan menjadi sebutan dan ikutan anak gadis. Rambut panjang mengurai separas pinggang, pakaian serba hitam, anting-anting besar, kening dipantis halus, antara yang mendominasi dunia fesyen ketika itu.

Di pentas Barat pula, Madonna menjadi fenomena yang meributkan dunia fesyen remaja wanita. Gayanya yang sentiasa tampil seksi, aneh lagi luar biasa, dikatakan memberikan impak yang besar dalam dunia fesyen remaja. Tidak dapat dinafikan bahawa pengaruh negatif turut menular dalam kalangan anak muda yang terlalu taasub terhadap fesyen penyanyi pujaan mereka. Keadaan itu sebenarnya hanya dapat ditangani dengan kematangan dan kebijaksanaan ibu bapa yang memimpin anak mereka.

Pelajar sekolah menengah tidak terkecuai daripada diserang penyakit fesyen. Biarpun hanya dengan pakaian seragam sekolah, mereka ada ketikanya terlalu kreatif untuk menjadikan pakaian

sekolah sebagai fesyen. Kain yang senteng, stoking yang pendek dan berambu-ramba dalam kalangan pelajar perempuan, manakala yang lelaki pula memakai seluar yang agak gelobor dan bagai mahu terlondeh sahaja gayanya. Pelbagai nama dan gaya terkini cuba ditonjolkan oleh remaja sekolah, maka, lahiriah istilah seperti *skaters, surfers, niggers, old skool, Ah Beng dan ska*. Setiap satu istilah itu memberikan kesan yang buruk terhadap disiplin pelajar.

Ledakan fesyen remaja era tahun 1990-an dan alaf kini lebih hebat. Ada ketika trend tersebut mampu melunturkan tradisi kita sebagai masyarakat yang santun lagi dihormati. Bayangkanlah jika anak gadis sudah berani memakai seluar yang menampakkan alur punggung dan baju yang menunjukkan separuh daripada pangkal dada. Adakah perkara tersebut dapat kita terima sebagai satu daripada wadiah fesyen?

Dalam keadaan itu, ibu bapa ialah insan yang paling layak untuk mengur dan menasihati remaja agar tidak menjadi mangsa fesyen sehingga menjejaskan maruah diri. Lebih menyakitkan mata apabila bertudung dijadikan fesyen. Dalam keadaan yang serba-



serbi hebat dan mencabar ini, ada ketika remaja kita keliru, yang mana satu hukum agama, yang mana satu ikutan dan yang mana satu harus dijadikan budaya?

Apalah ertinya bertudung cantik dengan kerongsang yang indah mengerlip permatanya jika baju yang dipakai sendat dan mudah sahaja terangkat sehingga menampakkan pusat dan perut yang menggeleber? Akal yang waras tentu sahaja akan menolak gaya tersebut sebagai satu fesyen, apatah lagi dilihat sebagai sesuatu yang indah untuk dipertontonkan kepada orang ramai.

Fesyen, biarpun sehebat mana jenamanya, biar tinggi melangit pengiktirafan yang diberikan kepada penciptanya, tetap tidak akan membawa sebarang erti jika kita yang menggayakannya tidak berasa selesa. Kata kunci yang paling tepat untuk berfesyen ialah keselesaan dan kesederhanaan. Selesa dan sopan tatkala berfesyen sudah pasti dapat membina keyakinan dan keterampilan diri. Seandainya kita mampu membina keyakinan diri dengan gaya tersendiri, hal itu sebenarnya satu bonus tatkala kita berfesyen. ☺

oleh IMUDA

